



http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=0624&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_08.htm

ARKIB : 24/06/2011



LATAR Expressway bebas tol 2 Bulan

RAWANG 23 Jun – Pengguna Lebuhraya KL-Kuala Selangor (LATAR Expressway) milik Kuala Lumpur Selangor Expressways Berhad (KLSEB) tidak akan dikenakan bayaran tol selama dua bulan bermula pembukaannya pada tengah malam ini sehingga 31 Ogos ini.

Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor berkata, langkah itu membuktikan keprihatinan kerajaan dalam membantu mengurangkan beban yang ditanggung oleh rakyat pada masa kini.

“Sebab itu kita ada rebat atau diskaun (bayaran tol) masa musim perayaan seperti Hari Raya Puasa, Krismas, Deepavali dan Tahun Baru Cina dan sebagainya,” katanya ketika merasmikan lebuhraya berkenaan di Plaza Tol Rimba Templer di sini hari ini.

Jelas Shaziman, dengan pembukaan lebuhraya berkenaan, masa perjalanan dapat dikurangkan termasuk perjalanan dari Ijok ke Kuala Lumpur yang akan mengambil masa 30 minit sahaja berbanding satu jam setengah sebelum ini.

Katanya, kadar tol yang ditetapkan bagi lebuhraya berkenaan dari tahun ini hingga 2015 ialah bagi kelas satu iaitu kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda kecuali teksi dan bas ialah RM2, kelas dua iaitu kenderaan yang mempunyai dua gandar lima roda atau enam roda kecuali bas ialah RM4.

Bagi kelas tiga iaitu kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih kecuali bas dikenakan caj RM6, kelas empat iaitu teksi (RM1) dan kelas lima iaitu bas (RM4), katanya.

Shaziman berkata, kerajaan turut mengeluarkan perbelanjaan RM150 juta untuk pengambilalihan tanah untuk projek lebuhraya berkenaan.

Katanya, lebuhraya berkenaan merupakan satu daripada projek Jalan Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR) iaitu jaringan lebuhraya yang menghubungkan lebuhraya di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Tambah beliau, antara rangkaian KLORR yang telah siap adalah Lebuhraya Corridor Guthrie (CGE), Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), Lebuhraya Penyuraian Trafik Lingkaran Luar Kajang (SILK) dan sebahagian Lebuhraya Lembah Klang Selatan (SKVE).

Katanya, Lebuhraya LATAR Expressway turut dihubungkan dengan Lebuhraya Pantai Barat sepanjang 286 kilometer.

“Apabila Lebuhraya Pantai Barat siap sepenuhnya, pengguna akan dapat meneruskan perjalanan sehingga ke persimpangan Changkat Jering di Lebuhraya Utara-Selatan melalui kawasan pantai barat negeri Perak.

“Laluan ini akan menjadi laluan alternatif kepada Lebuhraya Utara-Selatan yang semakin sesak,” ujarnya.



Shaziman Abu Mansor menyatakan sesuatu kepada Ir Mohamad Razali Othman (kanan) selepas majlis Perasmian Lebuhraya KL-Kuala Selangor di Plaza Tol Taman Rimba Templer, Rawang, semalam. – BERNAMA